



## **Ekonomi MADANI boleh dicapai berdasarkan prestasi semasa**

Oleh Latifah Arifin - Julai 29, 2023 @ 5:50pm

latifah@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Prestasi ekonomi semasa yang menunjukkan peningkatan memberangsangkan dengan pelbagai perubahan positif hanya dalam tempoh lapan bulan Kerajaan Perpaduan mentadbir negara memberi petunjuk hala tuju ekonomi negara berada di landasan yang betul.

Ia secara tidak langsung memberi keyakinan bahawa kerangka ekonomi baru Malaysia iaitu Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat, yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Khamis lalu berupaya mencapai matlamatnya terutama bagi membangunkan semula ekonomi rakyat secara menyeluruh.

Penganalisis politik daripada Pusat Perdana Fakulti Razak, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Dr Mazlan Ali, berkata petunjuk politik yang positif menunjukkan kemajuan membabitkan pelbagai agenda ekonomi kerajaan.

"Kalau kita lihat data mutakhir ini, berdasarkan petunjuk ekonomi, misalnya inflasi telah turun kepada 2.4 peratus. Itu adalah satu kemajuan selepas tempoh lapan bulan (pentadbiran Kerajaan Perpaduan). Kemudian, pelaburan langsung asing (FDI), meningkat ketara, ia angka (peningkatan) memang luar biasa," katanya kepada BH, hari ini.

Khamis lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim meluncurkan Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat, kerangka ekonomi yang bertujuan mengangkat semula ekonomi Malaysia dan membawa limpahan hasil bagi membolehkan rakyat menikmati kehidupan lebih berkualiti.

Anwar yang juga Menteri Kewangan, berkata pengumuman itu adalah satu rencana menyeluruh bagi Malaysia menghadapi pelbagai cabaran dan isu berkaitan daya saing dan tarikan negara sebagai destinasi pelaburan serta menggariskan tindakan bagi menangani isu semasa yang memberi kesan kepada kehidupan rakyat.

Mazlan berkata, antara kayu ukur lain yang dapat dilihat adalah harga barang kawalan yang terus mencatatkan penurunan.

Malah, katanya, isu seperti ketiadaan bahan mentah utama seperti ayam, telur dan minyak masak juga semakin terkawal dengan kurang aduan mengenai kekurangan barang berkenaan di pasaran.

"Bagaimanapun, saya lihat, untuk melihat hasil daripada kerangka ini, memerlukan masa. Apa yang kerajaan Madani buat ketika ini, amat selari dengan apa yang ingin dicapai. Misalnya, pertama Perdana Menteri tekankan aspek ketelusan, menjaga supaya tidak berlaku ketirisan dalam urus tadbir kerajaan.

"Setakat dari November tertubuhnya Kerajaan Perpaduan, tidak ada lagi aspek serius berkaitan ketirisan, kecuali mata wang kita masih rendah....namun sudah ada sedikit peningkatan. Sementara saham pula sudah meningkat naik.

"Saya yakin negara akan berada di satu kedudukan yang betul, namun memerlukan sedikit masa lagi sekurang-kurangnya dua tahun," katanya.